

## **Konsep Tasawwuf Dan Tarekat Menurut Ahli Sunnah Waljamaah**

**ABDULL RAHMAN MAHMOOD**

[abrm@ukm.edu.my]

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

**ABDUL MANAM BIN MOHAMAD AL-MERBAWI**

[abdulmanam@unisza.edu.my]

Pusat Pengajian Teras  
Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman, Malaysia

**WAN HASLAN KHAIRUDDIN**

[wanhaslan@ukm.edu.my]

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

### **Abstrak**

Tasawwuf merupakan satu disiplin ilmu Islam yang unggul dan tarekat adalah aplikasi kepada penghayatan tasawwuf. Namun dalam masyarakat Malaysia secara khusus perbincangan mengenai tasawwuf masih kabur lebih-lebih lagi bila tarekat di kaitkan dengan ajaran sesat. Oleh itu kajian ini cuba untuk menyerlahkan Pengertian tasawwuf dan tarekat serta prinsip-prinsip tasawwuf dan tarekat menurut Ahli Sunnah Waljamaah. Metode kajian analisis dokumen telah digunakan untuk mengumpul data dan menganalisis isu-isu yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep tasawuf dan tarekat menurut Ahli Sunnah Waljamaah merupakan intipati kepada ajaran Islam.

Kata kunci: Tasawwuf, Tarekat, Ahli Sunnah, Prinsip.

### **Pendahuluan**

Tarekat merupakan suatu perkara yang tidak asing lagi dalam dunia Islam, namun pengetahuan masyarakat kita tentang tarekat ini agak kurang. Di kalangan ahli akademik pula masih belum ramai yang membuat kajian berkaitan dengannya. Akibatnya, ramai yang terkeliru mengenai istilah tasawuf dan tarekat dan ramai juga yang terlibat dengan ajaran sesat yang menggunakan nama tarekat lantaran kurangnya pengetahuan mereka. Tidak kurang pula kumpulan ajaran sesat yang berselindung di sebalik nama tarekat yang sudah terkenal demi mencari pengaruh dan mengumpul kekayaan. Tulisan ini akan menjelaskan beberapa perkara berkaitan tarekat yang menyentuh mengenai konsep tasawuf dan tarekat serta hubungan tasawwuf dengan beberapa prinsip asas dalam ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

## Pengertian Ahli Sunnah Waljamaah

Secara keseluruhan istilah Ahli Sunnah Wajamaah diungkap dan dirujuk dalam dua keadaan, iaitu secara umum dan secara khusus. Dalam rujukan umum istilah ini merujuk kepada golongan yang bukan golongan Syiah. Maka pada aras umum inilah kerap diungkapkan bahawa golongan Sunni adalah golongan yang berbeza dan bertentangan dengan golongan Syii, malah kalangan Muslim dalam dunia Islam masa kini umumnya terbahagi ke dalam dua aliran berbeza, Sunni dan Syii ini. Bagaimanapun, dalam pengertian umum ini, istilah Ahli Sunnah Waljamaah masih perlu menerima masuk--tidak boleh mengeluarkan--merangkumkan sekali golongan Muktazilah (Musa 1975: 15).

Dalam rujukan khusus, istilah ini perlu memperincikan dua perkataan utama yang bergabung dalam istilah tersebut, iaitu *al-sunnah* dan *al-jama'ah*. Perkataan *al-sunnah* mempunyai dua pengertian: Pertamanya membawa makna jalan (*al-tariqah*), iaitu bermaksud bahawa golongan Ahli Sunnah mengikut jalan ataupun cara para Sahabat dan Tabiin dalam menerima baik ayat-ayat *mutashabihat* yang terdapat dalam al-Qur'an dan menyerahkan pengertian ayat-ayat tersebut kepada Ilmu Allah. Pengertian keduanya pula merujuk kepada Hadis (*al-Hadith*), iaitu membawa maksud bahawa golongan Ahli Sunnah beriman dan meyakini Hadis Sahih tanpa terlibat jauh membuat takwil terhadap Hadis sepertimana yang dilakukan oleh golongan Muktazilah (Musa 1975: 15). Di samping itu, istilah *al-sunnah* juga merujuk kepada jalan yang diikuti oleh Nabi s.a.w. dan para Sahabat Baginda, merangkumi aspek-aspek ilmu, amal, akhlak, suluk, adab sehinggalah terangkum segala sesuatu yang melibatkan aspek-aspek kehidupan yang berbagai yang kesemuanya bersih dari segala unsur *shubahat* dan *shahawat* (al-Misri 1992: 44).

Adapun perkataan *al-Jama'ah* dari segi bahasa pula bermaksud kesatuan, iaitu lawan kepada puak atau berpuak. Dari segi istilah ia merujuk kepada kumpulan para Sahabat, atau ahli ilmu, atau ahli ijimak atau *al-sawad al-a'zam* yang mengikut segala apa yang disepakati dan diikuti oleh golongan Ahli Sunnah yang melibatkan peninggalan segala bentuk bidah dan pematuhan terhadap segala suruhan Rasulullah s.a.w. (al-Misri 1992: 45,48).

Dengan itu dapat **dirumuskan bahawa istilah Ahli Sunnah Waljamaah** dalam rujukan atau penggunaan khusus adalah merujuk kepada golongan Salaf dari kalangan para Sahabat dan para Tabiin yang sepakat seia sekata menerima kebenaran yang jelas nyata terdapat dalam Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya serta setiap kalangan yang datang selepas para Sahabat dan Tabiin yang mengikut jalan dan jejak langkah mereka sama ada dalam bentuk perseorangan ataupun perkumpulan (al-Misri 1992: 45). Dan istilah Ahli Sunnah Waljamaah dalam pengertian khusus inilah yang akan diguna pakai dalam tulisan ini.

Sesungguhnya dalam perjalanan sejarah ummah dan tamadun Islam, cukup banyak sekali puak atau *firqah* yang muncul dari masa ke semasa. Masing-masing puak mahu mengatakan bahawa mereka tergolong dalam kalangan Ahli Sunnah Waljamaah kerana golongan ini dikenal pasti sebagai golongan atau *al-firqah al-najiyah* atau *millah* yang terselamat daripada neraka sepertimana terungkap dalam Hadis Rasulullah s.a.w. [Maksudnya]: "Umatku akan berpecah kepada tujuh puluh tiga puak, di mana kesemuanya akan ke neraka, kecuali satu [golongan] sahaja. Lalu para Sahabat r.a. bertanya: Kalangan manakah mereka itu wahai Rasulullah? Rasulullah s.a.w. bersabda: "[Golongan] bersama aku dan para Sahabatku [dalam segenap segi kehidupan]" (al-Tirmidhi 1988: ii:334).

Berdasarkan pelbagai literatur dalam bidang *Usul al-Din* kita dimaklumkan secara ringkas dan detil berhubung dengan golongan yang termasuk di bawah naungan Ahli Sunnah Waljamaah. Setelah membuat pencerakinan terhadap pelbagai sumber, Profesor Ahmad Mahmud Subhi (1985: 32) merumuskan bahawa golongan Ahli Sunnah Waljamaah adalah terdiri daripada:

- Mazhab Salaf dari kalangan Ahli Sunnah merangkumi sejak al-Imam Ahmad b. Hanbal sehinggalah samapi ke kemuncak solidaritinya bersama Ibn Taimiyah.
- Mazhab Khalaf dari kalangan Ahli Sunnah yang merangkumi golongan al-Sifatiyyah, al-Ash'ariyyah serta sejumlah mazhab lain, di mana yang paling utamanya ialah al-Maturidayyah.

al-Baghdadi dalam kitab tersohor beliau *al-farq bayn al-firaq* (t.th.: 313-318) mengelompokkan secara detil golongan yang termasuk dalam mazhab Ahli Sunnah Waljamaah yang terdiri daripada lapan golongan ummah, iaitu:

- Golongan yang menguasai ilmu yang berkaitan dengan tauhid dan kenabian, hukum hakam berkaitan dengan *al-wa'd wa al-wa'id* pahala dan siksaan, syarat-syarat ijtihad, keketuaan dan kepimpinan. Dalam ilmu yang mereka kuasai, mereka mengikuti jalan dan jejak langkah golongan *al-Sifatiyyah* dari kalangan Mutakallimin yang bersih tidak terpalit dengan unsur *al-tashbih* dan *al-ta'til*. Juga mereka bersih tidak terpalit dengan unsur bidah golongan *al-Rafidah*, *al-Khawarij*, *al-Jahmiyyah*, *al-Najjariyyah* serta golongan sesat yang mengikut hawa nafsu.
- Golongan pemuka Fiqh daripada kedua-dua pihak *al-ra'yi* dan *al-Hadith*. Termasuk dalam kumpulan ini ialah para pengikut Malik, al-Shafi'i, al-Awza'i, al-Thawri, Abu Hanifah, Ibn Abi Layli, pengikut Abu Thawr, pengikut Ahmad b Hanbal, golongan *al-zahir* serta seluruh kalangan *Fuqaha'* yang berpegang teguh kepada *usul* golongan *al-Sifatiyyah* dalam hal berkaitan dengan persoalan akal, mereka pula tidak mencampur adukkan persoalan fiqh dengan apa pun juga unsur bidah golongan sesat yang dikuasai oleh hawa nafsu.
- Golongan yang menguasai ilmu berkaitan dengan cara-cara pengambilan Khabar dan Sunnah yang *al-ma'thurah* dari Nabi s.a.w. di mana mereka dapat membezakan di antara yang sah dengan yang rosak. Mereka juga tahu dan faham sebab-sebab *al-Jarh wa al-ta'dil*. Ilmu mereka tidak dicampur adukkan dengan suatu apa pun unsur bidah golongan sesat yang dikuasai oleh hawa nafsu.
- Golongan yang menguasai ilmu berkaitan dengan sastera, nahu dan saraf dari kalangan pemuka bahasa seperti al-Khalil, Abu 'Amru b al-'Ala', Sibawaiyh, al-Farra', al-Akhfas, al-Asma'i, al-Mazani, Abu 'Ubayd serta seluruh kalangan pemuka ilmu nahu dari kalangan al-Kufiyyin dan al-Basriyyin yang tidak mencampur adukkan ilmu mereka dengan sesuatu unsur bid'ah kalangan *al-Qadariyyah*, *al-Rafidah* atau *al-Khawarij*. Golongan dari kalangan mereka yang cenderung kepada unsur sesat yang dikuasai hawa nafsu adalah tidak termasuk dalam mazhab Ahli Sunnah.
- Golongan yang menguasai ilmu berkaitan dengan sudut-sudut Qira'at al-Qur'an serta sudut-sudut tafsir ayat-ayat al-Qur'an dan takwilan mereka selaras dengan pegangan mazhab Ahli Sunnah, bukannya takwilan-takwilan golongan sesat yang dikuasai oleh hawa nafsu.

- Golongan ahli zuhud dari kalangan ahli sufi yang beroleh *ma'rifah*, lalu tidak dihebah secara meluas, yang diberi dugaan hidup, lalu diambil iktibar daripada dugaan tersebut. Mereka rida dengan takdir dan mereka berpuas hati (*qana'ah*) dengan keberuntungan yang diperolehi. Mereka faham bahawa pendengaran, penglihatan dan hati semuanya akan bertanggungjawab tentang baik buruknya dan semuanya akan diperkirakan hingga ke seberat zarah sekalipun. Dengan itu mereka menyiapkan diri dengan sebaik-baik persiapan untuk kehidupan hari akhirat. Percakapan mereka dalam dua bentuk: ungkapan biasa dan ungkapan *ishari* yang berlangsung mengikut jejak Ahli Hadith, tanpa memperdagangkan kata-kata bersenda. Mereka tidak melakukan kebaikan untuk tujuan *riya'* dan tidak pula meninggalkan perbuatan baik kerana malu. Agama pegangan mereka berasaskan tauhid dan menafikan *al-tashbih*. Mazhab ikutan mereka ialah berserah kepada Allah, bertawakal kepada-Nya, Menerima baik perintah-Nya, bersifat *qana'ah* dengan rezeki yang mereka perolehi dan tidak melakukan penentangan terhadap-Nya.
- Golongan tentera yang berada di perbatasan negeri umat Islam berhadapan dengan negeri orang kafir, berjuang menentang musuh-musuh orang Islam dan mempertahankan mereka serta kawasan dan rumah-rumah mereka. Mereka menyebarkan mazhab Ahli Sunnah Waljamaah hingga ke perbatasan negara mereka.
- Golongan rakyat awam yang berpegang teguh dengan kebenaran yang dibawa oleh kalangan ulama Ahli Sunnah Waljamaah dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan keadilan dan tauhid, *al-wa'd wa al-wa'id*, serta mereka merujuk kepada kalangan ulama tersebut dalam hal yang berkaitan dengan agama mereka. Mereka juga mengikut para ulama tersebut dalam perkara-perkara cabang yang berkaitan dengan halal dan haram, dan mereka tidak sedikit pun mengikut unsur bid'ah yang dibawa oleh *Ahl al-Ahwa'* yang sesat.

Adalah jelas, berdasarkan definisi dan golongan-golongan yang bernaung di bawah mazhab Ahli Sunnah Waljamaah seperti yang dicatatkan di atas, bahawa al-Ash'ari dan al-Ash'ariyyah serta juga al-Maturidi dan al-Maturidiyyah adalah diiktiraf kedudukannya, serta boleh digolongkan tanpa ragu-ragu, dalam mazhab Ahli Sunnah Waljamaah. Akidah Ahli Sunnah inilah yang telah tersebar dalam dunia Islam dan diajar di institusi pengajian tinggi, sekolah, masjid dan surau. Fahaman akidah ini merupakan fahaman yang sederhana atau wasatiyyah yang berpegang kepada nas-nas syarak dan juga akal dalam memahami dan mengamalkan ajaran agama Islam.

### **Pengertian Tasawwuf**

Tasawwuf selalu digambarkan dalam bentuk ketinggian akhlak, kezuhudan, peribadatan dan kekeramatan lahiriah semata-mata. Menggambarkan tasawwuf dengan gambaran-gambaran tersebut ternyata tidak tepat dan tidak menggambarkan intipati serta gambaran sebenar dan menyeluruh tentang tasawwuf itu. **Pengertian sebenar tasawwuf itu ialah pencapaian darjat ihsan yang digambarkan dalam hadis Nabi s.a.w. yang bermaksud “ihsan itu ialah engkau beribadah kepada Allah seolah-olahnya engkau melihat-Nya, sekiranya engkau tidak melihat-Nya maka sesungguhnya Dia melihat engkau”.**(Muslim) Ternyata bahawa hakikat ihsan itu tercapai dengan dua perkara iaitu ibadah yang sempurna lagi berterusan dan kehadiran hati, kesedaran jiwa, serta penyaksian batin terhadap makna-makna ketuhanan (hakikat-hakikat tauhid) dalam ibadah tersebut. Penyaksian batin ini diistilahkan oleh ulama tasawwuf sebagai muraqabah dan mushahadah dan ia mempunyai tingkatan-

tingkatan yang tertentu. Pencapaian mushahadah inilah yang akan membuahkan berbagai ahwal dan maqamat dan dari sini jugalah timbulnya berbagai persoalan ilmu tasawwuf.

Dengan kata lain, hakikat sebenar tasawwuf itu ialah tercapainya kebersihan diri, zahir dan batin. Kebersihan zahir membawa maksud keterikatan anggota lahiriah manusia dengan peraturan atau hukum-hukum agama iaitu apa yang diistilahkan sebagai `ibadah. Kebersihan batin pula bermaksud kebersihan hati dari sifat-sifat tercela (takhalli) dan terhiasnya ia dengan sifat-sifat terpuji (tahalli) iaitu apa yang disebut sebagai `ubudiyah. Manakala kemuncak kebersihan batin manusia itu ialah terbuangnya sesuatu yang lain dari Allah dari lubuk hati dan nyata kebenaran Allah di cermin hati itu (tajalli) iaitu apa yang dinamakan `ubudah. Kebersihan batin inilah yang membawa kepada tercapainya darjat ihsan seperti yang digambarkan dalam hadis.

Pengertian tasawwuf seperti inilah yang dapat dilihat pada definisi yang diberikan oleh Shaykh `Abd al-Qadir al-Jilani. Menurut beliau, tasawwuf itu ialah pembersihan hati (tasfiyah) dari sesuatu yang lain dari Allah (al-Jailani hlm.90). Menurut beliau, tasawwuf itu diambil dari perkataan safa (musafat) iaitu bermaksud orang yang Allah bersihkan batinnya. (al-Jilani, al-Ghunyah, jil.2, hlm.442.).

Pengertian ini jugalah yang ditemui pada definisi tasawwuf yang dikemukakan oleh Shaykh Abu Bakr al-Kattani. Menurut beliau, tasawwuf itu ialah kejernihan hati (safa') dan penyaksian batin (mushahadah). (Abd al-Halim Mahmud, t.th.43.) Shaykh Ahmad Zaruq (1318H: hlm. 1) telah meneliti definisi-definisi yang telah dikemukakan oleh para ulama tasawwuf dan membuat kesimpulan bahawa tasawwuf telah dihurai, ditafsir dan didefinisikan sejumlah hampir dua ribu, semua itu terhimpun pada satu pengertian sahaja iaitu "benarnya tawajjuh hati kepada Allah".

Permulaan tawajjuh hati itu ialah terhasilnya intibah (kesedaran jiwa) yang membawa kepada taubah yang benar. Pertengahannya ialah merasai ahwal dan mencapai maqamat. Kesudahannya pula ialah tertumpu pandangan hati hanya kepada Allah semata-mata, tidak kepada yang lain dari-Nya. Di sinilah terhasilnya mushahadah dan inilah kemuncak ihsan.

Dari sudut yang lain, tasawwuf mempunyai dua pengertian iaitu pengertian umum dan pengertian khusus. Pengertian umum bagi tasawwuf, secara keseluruhannya, ialah satu bentuk ilmu tentang cara-cara mendidik dan membersihkan hati, yang mana ia boleh diketahui menerusi pembelajaran dan pengkajian.<sup>1</sup> Manakala tasawwuf dengan pengertiannya yang khusus pula merujuk kepada pencapaian hakikat-hakikat tasawwuf tersebut sehingga ia menjadi suatu pengalaman bagi diri seseorang itu dan seterusnya menjadi sifat yang sehati dengan dirinya.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Antara tokoh-tokoh tasawwuf yang mendefinisikan tasawwuf sebagai satu bentuk ilmu ialah Shaykh Ahmad Zaruq dan Haji Khalifah. Menurut Shaykh Ahmad Zaruq tasawwuf itu ialah satu ilmu yang bertujuan memperbaiki hati dan mengkhususkannya bagi Allah semata-mata tanpa sesuatu yang lain dari-Nya (Ahmad Zaruq, Qawa'id al-Tasawwuf, hlm.6). Manakala Haji Khalifah pula mendefinisikan tasawwuf sebagai satu ilmu yang dengannya diketahui cara-cara peningkatan golongan yang sempurna dari jenis manusia dalam tingkatan-tingkatan kebahagiaan mereka (Haji Khalifah, Kashf al-Zunun, Jil.1, hlm.413).

<sup>2</sup> Antara ahli tasawwuf yang mendefinisikan tasawwuf dengan pencapaian hakikatnya ialah Shaykh al-Junayd al-Baghdadi dan Shaykh Ma'ruf al-Karakhi. Antara definisi al-Junayd terhadap tasawwuf ialah "bahawa yang sebenar (al-Haq) itu memamatkan (memfana'kan) engkau dari diri engkau dan Dia menghidupkan engkau dengan-Nya" (al-Qushayri, al-Risalah, hlm.280), iaitu mengisytiharkan kepada

Imam al-Ghazali telah menggabungkan kedua-dua pengertian tasawwuf ini dalam satu definisi. Menurut beliau, tasawwuf itu permulaannya ilmu, pertengahannya amal dan kesudahannya pemberian (mawhibah). Ilmu itu membongkar apa yang dikehendaki, amal itu membantu dalam menuntut (apa yang dikehendaki), dan pemberian itu menyampaikan kepada kemuncak cita-cita. (al-Ghazali 1986:22) Gabungan kedua-dua pengertian tasawwuf ini dapat dilihat dalam definisi beliau di atas di mana beliau telah membahagikan tasawwuf itu kepada tiga peringkat iaitu permulaan (ilmu), pertengahan (amal) dan kesudahan (pemberian). Ketiga-tiga perkara tersebut bagi beliau, adalah terangkum dalam pengertian tasawwuf. Demikian juga Shaykh Ibn `Ajibah di mana beliau juga telah menggabungkan kedua-dua pengertian tasawwuf ini dalam satu definisi.<sup>3</sup>

### Unsur-Unsur Asasi Tasawwuf

Terdapat beberapa unsur yang membentuk tasawwuf, antaranya yang paling utama ialah kesucian diri zahir dan batin. Kesucian diri ini merupakan intipati atau unsur asasi bagi tasawwuf. Ini dapat dilihat dalam banyak takrifan yang diberikan oleh para ulama tasawwuf. Unsur kesucian diri seumpama ini dapat dilihat dalam takrifan-takrifan yang diberikan oleh tokoh-tokoh seperti Shaykh Abu Bakr al-Kattani,<sup>4</sup> Shaykh Abu Sa`id al-Kharraz<sup>5</sup> Shaykh `Abd al-Qadir al-Jilani dan lain-lain.<sup>6</sup> Tasawwuf juga mengandungi unsur ibadat<sup>7</sup> ketinggian akhlak<sup>8</sup> dan juga kezuhudan.<sup>9</sup> Sekalipun unsur-unsur ini tidak menggambarkan hakikat sebenar tasawwuf, namun ia adalah sebahagian darinya yang tidak dapat dipisahkan.

---

keadaan fana' hamba. al-Junayd juga pernah ditanya tentang tasawwuf lalu menjawab "iaitu engkau berserta Allah tanpa sebarang ikatan" (al-Tusi, al-Luma`, hlm.45), iaitu mengisytarkan kepada kedekatan rohani dan pencapaian hakikat. Manakala al-Karakhi pula mendefinisikan tasawwuf itu sebagai "berpegang dengan hakikat-hakikat dan tidak berkeinginan pada apa yang dimiliki oleh makhluk" (al-Qushayri, al-Risalah, hlm.280).

<sup>3</sup> Menurut Shaykh Ibn `Ajibah tasawwuf itu adalah satu ilmu yang mana dengannya diketahui cara-cara berjalan menuju ke hadirat Allah, membersihkan batin dari perkara-perkara yang keji dan menghiasinya dengan berbagai bentuk perkara kebaikan. Permulaannya ilmu, pertengahannya amal dan kesudahannya pemberian ilahi (Ibn `Ajibah, Mi`raj al-Tashawwuf, hlm.4)

<sup>4</sup> Dalam mentakrifkan tasawwuf, al-Kattani menyebut bahawa tasawwuf itu ialah kesucian (safa') dan penyaksian (mushahadah) (Mahmud, Qadiyyat al-Tasawwuf, hlm.43).

<sup>5</sup> Shaykh Abu Sa`id al-Kharraz telah ditanya tentang sufi lalu menjawab "(sufi itu ialah) orang yang tuhaninya telah membersihkan hatinya sehingga hatinya dipenuhi dengan cahaya hidayah dan orang yang berada dalam kelazatan dengan mengingati Allah (Mahmud, Qadiyyat al-Tasawwuf, hlm.42-43).

<sup>6</sup> al-Jilani menjelaskan bahawa asal perkataan sufi itu ialah sufiya yang di ambil dari perkataan al-musafat. Kerana itu dikatakan bahawa sufi itu ialah orang yang bersih dari penyakit-penyakit nafsu, bebas (bersih) dari sifat-sifat kecelaaannya, melalui jalan-jalan kesufian yang terpuji, berpegang dengan hakikat-hakikat kebenaran dan tidak tenteram (cenderung) hatinya kepada seseorang dari kalangan makhluk (al-Jilani, al-Ghunyah, hlm.558).

<sup>7</sup> Unsur ibadat dalam mendefinisikan tasawwuf antara lain dapat dilihat pada definisi yang dikemukakan oleh Shaykh `Ali al-Muzayyin. Tasawwuf menurut beliau ialah ketaatan atau kepatuhan kepada Allah (al-Qushayri, al-Risalah, hlm.282). Begitu juga Imam al-Ghazali yang antara definisi beliau terhadap tasawwuf ialah mencampakkan diri dalam `ubudiyah dan bergantung hati dengan rububiyah (al-Ghazali, Rawdat al-Talibin, hlm 21).

<sup>8</sup> Unsur akhlak dalam mendefinisikan tasawwuf antara lain dapat dilihat dalam takrifan Abu Bakr al-Kattani. Tasawwuf itu menurut beliau ialah akhlak, sesiapa yang melebihi engkau pada akhlak, maka sesungguhnya dia melebihi engkau pada kejernihan rohani. (Mahmud, Qadiyyat al-Tasawwuf, hlm.38). Begitu juga takrifan Ahmad al-Jariri di mana tasawwuf itu menurut beliau ialah memasuki semua akhlak yang murni dan keluar dari semua akhlak yang hina (al-Qushayri, al-Risalah, hlm.280).

<sup>9</sup> Unsur kezuhudan dalam mendefinisikan tasawwuf dapat dilihat pada takrifan Samnun. Tasawwuf menurut beliau ialah bahawa engkau tidak memiliki sesuatu dan tiada sesuatu yang memiliki engkau.

## Pengertian Tarekat

Perkataan tarekat berasal dari perkataan Arab “tariqah/tariq”. Perkataan tariqah ini dapat ditemui penggunaannya dalam al-Qur’an dengan makna jalan dan kedudukan. Penggunaan perkataan tariqah dengan makna jalan antaranya dapat dilihat pada firman Allah surah al-Jin ayat 16 yang bermaksud “dan sekiranya mereka itu tetap (istiqamah) di atas jalan agama Allah (tariqah), maka kami pasti akan mencurahkan (mengurniakan) kepada mereka air yang mencurah-curah (rahmat yang luas)”. Demikian juga ayat 104, surah Taha dan ayat 168 dan 169 surah al-Nisa’. Manakala penggunaan tariqah dengan makna kedudukan dapat dilihat pada firman Allah dalam surah Taha ayat 63 yang bermaksud “mereka berkata: sesungguhnya dua orang ini adalah benar-benar ahli sihir yang hendak mengusir kamu dari negeri kamu dengan sihir mereka dan hendak melenyapkan kedudukan kamu yang utama itu”

Manakala dalam hadis juga terdapat penggunaan perkataan tariq dengan makna jalan. Antaranya ialah sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud “sesiapa yang melalui satu jalan (tariq) yang mana padanya dia mencari ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya satu jalan ke syurga”. (al-Tirmidhi, t.th. Kitab al-’Ilm, Bab Fadl Talab al-’Ilm.) Terdapat juga beberapa perkataan lain yang digunakan di dalam al-Qur’an yang semakna dengan perkataan tariqah iaitu sabil dan sirat. Perkataan sabil antaranya terdapat dalam firman Allah surah al-Maidah ayat 113 yang bermaksud “dan hendaklah kamu bermujahadah pada jalan (sabil)-Nya, mudah-mudahan (nescaya) kamu akan mencapai kejayaan”. Perkataan sirat pula, antaranya ialah yang terdapat dalam firman Allah surah al-Fatihah ayat 6 yang bermaksud “**tunjukkanlah kepada kami jalan (sirat) yang lurus**”. Penelitian terhadap huraian ulama tasawwuf tentang tarekat mendapati bahawa tarekat itu mempunyai beberapa pengertian iaitu umum, khusus dan yang lebih khusus.

## Pengertian Umum

Pengertian umum bagi tarekat itu ialah “**jalan agama Allah**” iaitu **jalan Islam itu sendiri**. Ibn Khaldun (t.th. hlm, 328) menggunakan perkataan tarekat dengan makna ini. Beliau menjelaskan, asal ilmu tasawwuf itu ialah bahawa tarekat (tariqah) kaum ahli sufi itu di sisi golongan yang terdahulu dari umat ini dan pemuka-pemukanya dari kalangan sahabat dan tabi’in dan orang-orang selepas mereka itu, sentiasalah merupakan tarekat kebenaran dan hidayah. Asal tarekat tersebut ialah tekun beribadah, menumpukan sepenuh perhatian kepada Allah, berpaling dari perhiasan duniawi, bersifat zuhud terhadap apa yang dicari oleh orang ramai yang berupa kelazatan, harta dan pangkat, dan menyendiri dari makhluk dalam khalwah untuk beribadah.

## Pengertian Khusus

Pengertian khusus bagi tarekat pula ialah **tata-cara yang khusus atau himpunan adab-adab dan ajaran-ajaran yang diamalkan oleh sesuatu kumpulan ahli tasawwuf**.( Abu al-’Ula’ Afifi,1963: 121-122) Tarekat dengan pengertian khusus ini sebenarnya merupakan serpihan atau cawangan dari tarekat umum iaitu jalan agama Allah yang begitu luas.

---

Begitu juga yang terdapat pada takrifan Shaykh Ma`ruf al-Karakhi iaitu tasawwuf itu ialah berpegang dengan hakikat-hakikat dan berputus-asa (tidak berkeinginan) terhadap apa yang ada pada tangan (dimiliki oleh) makhluk (al-Qushayri, al-Risalah, hlm.280).

## Pengertian Yang Lebih Khusus

Manakala tarekat dengan pengertiannya yang lebih khusus pula bermaksud **perjalanan dan peningkatan tahap kejernihan rohani manusia dengan menempuh berbagai halangan, melalui berbagai maqam dan merasai berbagai hal kerohanian**. Pengertian yang lebih khusus ini dapat dilihat pada definisi-definisi tarekat yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh terkenal seperti al-Jurjani. Dalam hal ini al-Jurjani (1938;183) mentakrifkan tarekat sebagai **perjalanan yang khusus bagi para salik yang menuju kepada Allah dengan menempuh dan melalui berbagai peringkat (manzilah) dan meningkat dalam berbagai maqam**. Tarekat menurut Shaykh Najm al-Din al-Kubra pula ialah ketaqwaan dan mendekatkan diri (taqarrub) kepada Allah dengan menempuh dan melalui berbagai tingkatan (manzilah) dan meningkat dalam berbagai maqam ( al-Hakim al-Tirmidhi, t.th. 475) Manakala Ibn `Abidin (1966, Jil.3,,303) pula mendefinisikan tarekat sebagai perjalanan yang khusus bagi para salik dengan melalui berbagai tingkatan dan meningkat dalam berbagai maqam.

## Hubungan Antara Tarekat Dengan Tasawwuf

Tarekat adalah wasilah bagi mencapai tasawwuf dan ia mempunyai pengertian yang sama dengan wasilah (perantaraan) yang disuruh di dalam al-Qur'an supaya mengambilnya dalam usaha mendekati Allah dan mencapai keredaan-Nya. Mengenai perkara ini Allah berfirman surah al Maidah ayat 113 yang bermaksud “wahai orang-orang yang beriman bertaqwalah kamu semua kepada Allah dan carilah wasilah (perantaraan) kepada-Nya”. Kedudukan tarekat sebagai wasilah dapat dirujuk kepada banyak ayat-ayat al-Qur'an. Antaranya ialah firman Allah dalam surah al-Ankabut ayat 69 yang bermaksud “Dan orang-orang yang bermujahadah pada jalan Kami, maka Kami pasti akan menghidayatkan kepada mereka jalan-jalan Kami”, dan Firman Allah dalam surah al Anfal ayat 29 yang bermaksud “wahai orang-orang yang beriman sekiranya kamu bertaqwa kepada Allah, maka Dia akan menjadikan untuk kamu furqan (nur yang memisahkan antara kebenaran dan kebatilan)”. Demikian juga firman Allah dalam surah al-Jin ayat 16 yang bermaksud “dan sekiranya mereka itu istiqamah (tetap) di atas tariqah (jalan agama Allah), pasti kami akan curahkan kepada mereka air (kurniaan dan rahmat) yang mencurah-curah”.

Ayat pertama menunjukkan bahawa mujahadah yang asasnya ialah kesungguhan melaksanakan syariat itu adalah sebab mendapat hidayah Allah. Manakala ayat kedua pula menunjukkan bahawa taqwa yang merupakan kepatuhan terhadap perintah Allah itu adalah syarat bagi mendapatkan furqan. Hidayah dan furqan yang asasnya ialah nur ilahi itulah yang menyebabkan terangkatnya hijab, terbukanya basirah dan seterusnya tercapai tasawwuf. Dalam ayat ke tiga pula dinyatakan bahawa istiqamah pada jalan agama Allah yang disebut sebagai tariqah itu akan mendatangkan kurniaan dan rahmat Allah yang sangat luas yang juga merangkumi pengertian kurniaan maknawi berupa ahwal dan ma`rifah.

Shaykh Najm al-Din al-Kubra telah membuat tamsilan atau perumpamaan yang jelas dan terang mengenai kedudukan tarekat dalam hubungannya dengan tasawwuf. Beliau mengumpamakan syariat sebagai kapal, tarekat sebagai lautan dan hakikat sebagai mutiara yang berada di dasar lautan. Oleh itu seseorang yang inginkan mutiara maka dia hendaklah menaiki kapal syariat dan kemudian merentasi lautan tarekat sehinggalah dia berjaya mendapatkan mutiara hakikat tersebut. Beliau selanjutnya menyatakan bahawa sesiapa yang meninggalkan susunan tersebut maka dia tidak akan berjaya sampai kepada mutiara tersebut.( al-Kumushkhanawi 1328: 77).



al-Ghazali pula menjelaskan bahawa jalan ke arah mencapai hakikat tasawwuf itu ialah dengan mendahulukan mujahadah, menghapuskan sifat-sifat yang tercela, memutuskan ikatan-ikatan hati seluruhnya dan menumpukan perhatian dengan penuh hemah (kemahuan) kepada Allah s.w.t. Bukan setakat itu sahaja, malahan beliau menegaskan bahawa hakikat tasawwuf itu tidak dapat dicapai menerusi pembelajaran. Ia hanya dapat dicapai dengan dhawq (rasaan rohani) dan pertukaran sifat-sifat diri dari sifat-sifat yang keji kepada sifat-sifat yang terpuji yang mana amal mujahadah itu adalah pembuka jalan ke arah itu. Mengenai hal ini al-Ghazali menjelaskan bahawa keistimewaan mereka yang paling khusus tidak boleh dicapai menerusi pembelajaran tetapi menerusi dhawq, hal dan pertukaran sifat-sifat diri.

Walau bagaimanapun, ulasan al-Ghazali dalam karya beliau al-Munqidh min al-Dalal, menunjukkan bahawa beliau mengakui bahawa terdapat sebahagian dari tasawwuf itu yang mampu diperolehi menerusi ilmu iaitu melalui pembelajaran dan pembacaan. Beliau sendiri telah berusaha dan telah pun berjaya mendapatkan bahagian tersebut. Ini dapat dilihat di mana beliau menjelaskan bahawa jalan ahli tasawwuf itu sempurna dengan ilmu dan amal...oleh kerana ilmu itu lebih mudah dari amal, maka aku memulakan dengan usaha mendapatkan ilmu mereka dengan meneliti kitab-kitab mereka seperti Qut al-Qulub, karya Abu Talib al-Makki, kitab-kitab al-Harith al-Muhasibi dan cebisan-cebisan tulisan peninggalan al-Junayd, al-Shibli dan Abu Yazid al-Bistami, dan ungkapan-ungkapan shaykh mereka yang lain, sehinggalah aku dapat menanggapi intipati tujuan mereka secara ilmu, dan aku telah berjaya mendapatkan apa yang boleh diperolehi menerusi pembelajaran dan pendengaran.<sup>10</sup>

al-Sha`rani di mana beliau menjelaskan bahawa tasawwuf itu merupakan hasil dari pengamalan seseorang itu terhadap syariat. Menurut beliau, ilmu tasawwuf itu ialah ilmu yang tercetus dalam hati para wali ketika hati mereka itu bersinar dengan pengamalan terhadap al-Qur'an dan al-Sunnah. Maka setiap orang yang beramal dengan kedua-duanya, akan tercetus dari pengamalannya itu ilmu-ilmu, adab-adab, rahsia-rahsia dan hakikat-hakikat yang mana lidah (pertuturan atau bahasa) tidak berkeupayaan menjelaskannya

Namun ini tidak menafikan sama sekali adanya orang yang mencapai hakikat-hakikat tasawwuf itu tanpa menerusi tarekat. Dia hanya mengamalkan syariat menerusi pelaksanaan terhadap kewajiban-kewajiban agama yang asas iaitu apa yang diistilahkan sebagai mujahadat taqwa yang menjadi kewajiban ke atas setiap muslim.<sup>11</sup> Orang seumpama ini disebut sebagai majdhub (orang yang mendapat jadhbah).<sup>12</sup>

---

<sup>10</sup> Penelitian mendapati bahawa di antara dua kenyataan beliau ini tidak ada pertentangan. Ini kerana beliau telah membahagikan tasawwuf itu kepada tiga bahagian utama iaitu ilmu, amal dan kurniaan ilahi (al-Ghazali, Rawdat al-Talibin, hlm.22). Oleh itu tasawwuf yang boleh dicapai menerusi pembelajaran adalah merujuk kepada bahagian ilmunya. Manakala bahagian yang tidak boleh dicapai kecuali dengan amal mujahadah adalah merujuk kepada bahagian kurniaan ilahi.

<sup>11</sup> Menurut Ibn Khaldun, mujahadat taqwa itu ialah menjaga sempadan suruhan dan larangan Allah, di mana pendorong atau tujuan mujahadah ini ialah untuk mencari keselamatan dan pelepasan dari azab kesengsaraan di akhirat, dan hukumnya adalah fardu ain (Ibn Khaldun, Shifa' al-Sa'il, hlm.34 & 70).

<sup>12</sup> Menurut al-Sahrawardi, majdhub itu ialah orang yang Allah kurniakan kepadanya keyakinan dengan mengejut yang mana Allah angkatkan darinya sebahagian dari hijab sedangkan dia tidak melalui jalan beramal atau bermujahadah (al-Sahrawardi, `Awarif al-Ma`arif, hlm.88).

## **Prinsip-Prinsip Asas Tarekat Tasawwuf**

Tarekat yang muktabar dalam disiplin keilmuan Ahli Sunnah Waljamaah mempunyai beberapa prinsip yang perlu dipatuhi. Pengabaian terhadap prinsip-prinsip ini bererti penyelewengan dan penyimpangan dari landasan tarekat yang benar. Antara prinsip-prinsip utama tarekat tasawwuf ialah;

### **Pegangan Aqidah Yang Betul**

Tasawwuf tidak dapat dihayati secara sebenarnya dan diselami secara mendalam sehingga sampai kepada hakikatnya oleh golongan yang berpegang dengan akidah yang menyimpang daripada landasan akidah yang hak iaitu Akidah ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. al-Baghdadi dalam al-Farq Bayn al-Firaq telah menyenaraikan kumpulan ahli tasawwuf sebagai satu golongan daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Manakala al-Isfarayini pula dalam al-Tabsir fi al-Din menjelaskan bahawa antara keistimewaan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang membezakannya daripada mazhab-mazhab lain ialah adanya tasawwuf yang bersih daripada perkara bid'ah.

Tokoh-tokoh tasawwuf terkenal telah menegaskan tentang keperluan seseorang kepada aqidah yang benar dalam usaha menghayati tasawwuf. Sebagai contoh, al-Daqqaq iaitu guru kepada al-Qushayri (1990:378) menjelaskan bahawa seseorang salik yang berada pada peringkat permulaan perjalanan kerohaniannya semestinya membetulkan pegangan dan keyakinannya terhadap Allah s.w.t iaitu pegangan yang bersih daripada sangkaan dan keraguan, bebas daripada kesesatan dan bid'ah dan bersumberkan dalil serta hujah. Aqidah tersebut merupakan aqidah yang membetuli aqidah Salaf iaitu aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

### **Aqidah yang berdalil**

Dalam hal berkait perkara aqidah ini, seseorang itu tidak cukup hanya dengan bertaqlid (ikutan) semata-mata tanpa mengetahui dan memahami dalil-dalil iaitu dalil akal dan dalil naqli (al-Qur'an dan hadith). Ini kerana, bertaqlid semata-mata tanpa didasari dalil-dalil yang kuat menjadikan seseorang itu mudah terpedaya dengan tipu-daya syaitan yang menimbulkan berbagai was-was dan keraguan yang akhirnya menyebabkan dia tergelincir daripada landasan aqidah yang betul sebagaimana dikehendaki. Mengenai perkara ini, seorang tokoh tasawwuf terkenal iaitu Ahmad al-Jariri menegaskan bahawa sesiapa yang keyakinannya tidak berdasarkan ilmu tauhid iaitu tidak memerhati, mempelajari dan memahaminya dengan betul berdasarkan dalil-dalilnya, maka tipu-daya akan menggelincirkan dan menjatuhkannya ke jurang kebinasaan. (al-Qushayri, 1990:41)

### **Perlaksanaan Syariat Secara Berterusan dan Keterikatan Dengannya**

Antara prinsip utama tarekat tasawwuf ialah keterikatan dengan syariat pada ajaran dan amalan tarekat itu sendiri dan juga hakikat yang dicapainya. Dalam peristilahan ilmu tasawwuf, syariat itu merujuk kepada pengertian suruhan atau perintah melaksanakan `ubudiyah dan pelaksanaan manusia terhadap perintah tersebut. Mengenai perkara ini al-Qushayri (1990:82-83) menyebut bahawa syariat itu ialah perintah supaya melaksanakan `ubudiyah (perhambaan diri kepada Allah)..., syariat itu datang dengan mengtakliffkan makhluk (manusia)...,syariat itu ialah beribadat kepada Allah..., syariat itu ialah

perlaksanaan terhadap apa yang diperintahkan. Syariat juga digunapakai di kalangan ahli tasawwuf dengan maksud al-Qur'an dan juga al-Sunnah. Oleh itu keterikatan dengan syariat bermaksud perlaksanaan terhadap suruhan dan larangan Allah dan tidak menyalahi al-Qur'an dan juga sunnah.

### **Pendirian Tokoh-Tokoh Tasawwuf**

Tokoh-tokoh tasawwuf telah meletakkan dasar dan menyatakan pendirian mereka berhubung dengan masalah kemestian atau keterikatan dengan syariat ini. Mereka menyatakan dengan tegas bahawa syariat itu adalah asas atau dasar utama yang diperlukan dan tidak boleh ditinggalkan dalam perjalanan menuju kepada Allah.<sup>13</sup> Bagi mereka, terjadinya perkara-perkara yang luar biasa yang menjadi sebahagian dari tanda-tanda kewalian, menjadi tidak bermakna jika wujud kepincangan dalam persoalan syariat ini.<sup>14</sup> Malahan seseorang itu tidak akan sampai kepada Allah seperti yang dikehendaki dalam ilmu tasawwuf tanpa bersyariat.<sup>15</sup>

Imam Malik, sebagaimana yang diriwayatkan, ada menyebut tentang keperluan bersyariat ini sebagaimana kata-kata beliau yang bermaksud "sesiapa yang bertasawwuf tanpa fiqh, maka sesungguhnya dia menjadi zindiq, sesiapa yang mengamalkan fiqh tanpa

---

<sup>13</sup> Terdapat ramai dari kalangan ulama tasawwuf yang menegaskan tentang perkara ini. Antara mereka ialah Sahl ibn `Abd Allah al-Tustari, al-Junayd al-Baghdadi, Abu Yazid al-Bistami, `Abd al-Qadir al-Jilani, `Abd al-Wahhab al-Sha`rani dan lain-lain. Mengenai perkara ini al-Tustari menyatakan bahawa dasar-dasar kami ada tujuh perkara iaitu berpegang dengan kitab Allah (al-Qur'an), mengikuti sunnah rasul-Nya s.a.w., memakan yang halal, tidak menyakiti makhluk, menjauhi dosa-dosa, taubat dan menunaikan hak (al-Sulami, Tabaqat al-Sufiyyah, hlm.210). al-Junayd pula menegaskan bahawa mazhab kami ini terikat dengan al-Kitab dan al-Sunnah (al-Sulami, Tabaqat al-Sufiyyah, hlm.159). al-Bistami pula telah ditanya tentang sufi lalu menjawab bahawa sufi itu ialah orang yang mengambil kitab Allah dengan tangan kanannya dan sunnah Rasulullah s.a.w. dengan tangan kirinya (berpegang dengan kedua-duanya) (`Abd al-Rahman Badawi, Shathat al-Sufiyyah, hlm.96). al-Jilani pula mengajarkan tentang perkara ini dengan berkata, terbanglah (tujulah dengan cepat) kepada Allah dengan dua sayap iaitu al-Kitab dan al-Sunnah, dan masuklah (hadrah)-Nya sedangkan tangan engkau berada pada tangan Rasul s.a.w. (al-Jilani, al-Fath al-Rabbani, hlm.29). al-Sha`rani pula menyebut sesungguhnya tarekat ahli sufi itu ditimbang atau diukur dengan al-Qur'an dan al-Sunnah seperti menimbang emas dan permata. Oleh itu orang yang menjalaninya memerlukan kepada neraca syarak dalam setiap gerak dan diam. Selanjutnya beliau berkata sesungguhnya hakikat tarekat ahli sufi itu ialah ilmu dan amal, tulang dan dagingnya adalah syariat dan hakikat, tidak salah satu dari kedua-duanya sahaja (al-Sha`rani, Lata'if al-Minan, hlm.2 & 25).

<sup>14</sup> Shaykh Abu Yazid al-Bistami ialah antara tokoh tasawwuf yang banyak menyentuh tentang perkara ini. Beliau pernah berkata bahawa sekiranya engkau melihat kepada seorang laki-laki yang diberikan kekeramatan sehingga dia terbang di udara, maka janganlah engkau terpedaya dengannya sehinggalah engkau melihat bagaimana engkau mendapatinya di sisi suruhan dan larangan tuhan, menjaga sempadan-sempadannya dan menunaikan syariat. Beliau juga diberitakan pernah mengajak murid-murid beliau untuk pergi menemui seorang lelaki yang memasyhurkan dirinya dengan kewalian yang mana dia adalah seorang yang zuhud. Apabila orang tersebut keluar dari rumahnya dan memasuki masjid, lalu dia meludah ke arah kiblat, maka Abu Yazid berpaling meninggalkannya dan tidak mengucapkan salam kepadanya seraya berkata :Bagaimana dia boleh dipercayai terhadap apa yang didakwanya itu? (Mahmud, Qadiyyat al-Tasawwuf, hlm.130).

<sup>15</sup> Shaykh Abu al-Husayn al-Warraaq ada menyebut tentang perkara ini. Beliau berkata bahawa tidak sampai seseorang hamba itu kepada Allah kecuali dengan (kehendak dan ketentuan) Allah dan dengan membetuli nabi s.a.w. pada syariat baginda. Sesiapa yang menjadikan jalan yang membawa kepada sampai (kepada Allah) dengan tidak mengikuti nabi, maka dia akan sesat dalam keadaan dia menyangka dia mendapat pertunjuk (al-Sulami, Tabaqat al-Sufiyyah, hlm.210). Shaykh al-Junayd al-Baghdadi juga ada menyatakan perkara yang sama iaitu tarekat-tarekat (jalan-jalan) semuanya tertutup bagi makhluk kecuali bagi orang yang menjejaki (mengikuti) rasul s.a.w., menuruti sunnah baginda, dan melazimi jalan baginda, maka sesungguhnya jalan-jalan kebaikan seluruhnya terbuka baginya (al-Sulami, Tabaqat al-Sufiyyah, hlm.159).

tasawwuf maka sesungguhnya dia menjadi fasiq, sesiapa yang menghimpunkan antara keduanya maka sesungguhnya dia telah mencapai hakikat”.( Mulla `Ali al-Qari 1352H:33) Orang yang berpegang dengan tasawwuf (hakikat) semata-mata tanpa fiqh (syariat) menjadi kufur dan zindiq. Ini kerana dia hanya memandang kepada hakikat atau urusan ketuhanan semata-mata tanpa melihat kepada perintah Tuhan supaya melakukan ibadah dan usaha hamba melaksanakannya. Lantaran itu dia mengatakan manusia itu digagahi dengan ketentuan ilahi tanpa ada sebarang pilihan bagi dirinya dalam melakukan sesuatu perbuatan sama ada ketaatan atau maksiat. Iktikad seumpama ini adalah kufur dan zindiq kerana ia menafikan syariat (perintah Allah dan usaha hamba) dan ia dikenali sebagai iktikad jabariyyah. Manakala orang yang berpegang dengan fiqh semata-mata tanpa tasawwuf menjadi fasiq kerana lahiriahnya sahaja yang melaksanakan tuntutan syariat tetapi batinnya itu kosong dari ketaqwaan, keikhlasan dan kehadiran hati, malahan batinnya itu dipenuhi dengan berbagai sifat kecelaan yang merosakkan amalannya tanpa disedari. Orang yang berkeadaan demikian adalah dikira sebagai fasiq kerana kerosakan batinnya itu.

Imam al-Qushayri(1990: 83) pula menjelaskan bahawa setiap syariat yang tidak dikuatkan dengan hakikat adalah tidak diterima dan setiap hakikat yang tidak dihubungkan dengan syariat adalah tidak terhasil. Hal yang sama juga ditegaskan oleh al-Tusi (1960: 44) di mana beliau menjelaskan bahawa yang zahir (syariat) itu tetap memerlukan yang batin (hakikat) dan yang batin itu pula tetap memerlukan yang zahir. Penjelasan dua orang tokoh besar sufi ini cukup membuktikan bahawa antara syariat dan hakikat (tasawwuf) ada hubungan yang sangat rapat sehingga tidak boleh dipisahkan.

### **Tiada Percanggahan Antara Syariat Dengan Hakikat**

Ahli tasawwuf juga sependapat menyatakan bahawa tidak ada pertentangan atau percanggahan di antara syariat dengan hakikat. Mengenai perkara ini Shaykh Abu Sa`id al-Kharraz menegaskan bahawa setiap yang batin (hakikat) yang bercanggahan dengan yang zahir (syariat) maka ia tidak benar(Ibn `Ajibah,1983, Jil.2, 302.) Begitu juga Shaykh `Abd al-Qadir al-Jilani( 1968:.29.) menyatakan perkara yang sama iaitu setiap hakikat yang tidak disaksikan (dibuktikan) dengan syariat maka ia adalah zindiq.

Kemestian bersyariat dalam bertarekat adalah sesuatu yang bersifat berterusan walaupun hakikat sudah tercapai. Ini menepati apa yang disebut secara terang dalam al-Qur`an di mana Allah berfirman dalam surah al Hijr ayat 99 yang bermaksud “dan sembahlah (beribadahlah kepada) Tuhan engkau sehinggalah kematian mendatangi engkau”. Demikian juga ia bertepatan dengan pendirian para ulama tasawwuf seperti Shaykh al-Junayd al-Baghdadi, Shaykh `Abd al-Qadir al-Jilani dan lain-lain. Shaykh al-Jilani (1968: 29) pula menegaskan tentang perkara tersebut dengan menyatakan bahawa meninggalkan ibadah-ibadah yang difardukan adalah zindiq, melakukan perkara-perkara yang dilarang adalah maksiat, dan tidak akan gugur kewajiban-kewajiban dari seseorang itu dalam apa juga keadaan.

### **Mempunyai Silsilah Perguruan Yang Benar Dan Bersambungan**

Antara prinsip utama tarekat tasawwuf ialah mempunyai rantai silsilah perguruan dan pewarisan ilmu, amal, adab dan ahwal yang bersambungan sampai kepada Nabi s.a.w. Mengenai perkara ini, al-Kurdi (t.th;500) ada menyatakan bahawa sesiapa yang tidak bersambungan silsilahnya ke hadrah kenabian maka sesungguhnya dia terputus limpahan

(kurniaan atau natijah kerohanian) dan dia tidak menjadi pewaris Rasulullah s.a.w. Silsilah yang bersambungan merupakan satu perkara asasi dan mesti ada pada setiap tarekat. Sebab itu sesuatu amalan yang dikatakan sebagai tarekat tetapi tidak mempunyai silsilah yang bersambungan sampai kepada Nabi s.a.w. adalah tidak dikira sebagai tarekat. Dari perspektif ilmu tasawwuf, silsilah merujuk kepada makna silsilah perguruan. Asasnya ialah persahabatan, perdampingan, talqin, tarbiyah, irshad dan pewarisan ahwal kerohanian dari guru kepada muridnya. Oleh itu proses pemberian silsilah ini kebiasaannya memerlukan masa yang agak lama, tidak seperti penerimaan hadis dalam sistem isnad ilmu hadis.

### **Berasaskan Ilmu**

Antara prinsip tarekat tasawwuf ialah perjalanannya berasaskan keilmuan, bukannya dongengan, khayalan dan sangkaan. Seseorang yang menjalani tarekat dengan berpandukan akal fikiran atau sangkaan semata-mata tanpa merujuk kepada pertunjuk ilmu yang terang akan mudah tergelincir dari landasan yang lurus dan seterusnya terhumbang ke jurang kebinasaan. Ini kerana jalan tasawwuf itu merupakan jalan yang berasaskan ilmu dan amal seperti yang telah ditegaskan oleh seorang tokoh tasawwuf terkenal, Shaykh `Abd al-Qadir al-Jaylani, (1968: 194) sebagaimana kata-kata beliau “Tidakkah anda mengetahui bahawa sesiapa yang merasa cukup dengan pendapatnya (buah fikirannya semata-mata) maka dia akan sesat? Tidak ada seorang yang berilmu pun kecuali dia memerlukan tambahan ilmu. Jalan (menuju kepada mengenal Allah) ini tidak dilalui dengan nafsu dan keinginan (hawa) bahkan (dilalui) dengan hukum dan beramal dengannya”.

Imam al-Ghazali (1989:13) pula menentukan tugas menuntut ilmu ini sebagai `aqabah (halangan) pertama yang mesti ditempuh oleh setiap salik yang ingin menjalani jalan Allah. Ini dapat dilihat pada kenyataan beliau iaitu “Wahai orang-orang yang menuntut keselamatan dan ibadah, kewajiban anda yang pertama, mudah-mudahan Allah memberi taufiq kepada anda, ialah menuntut ilmu kerana ilmu itu adalah merupakan asas dan di atas asas inilah berligar semua yang lain”. Ini menunjukkan betapa pentingnya ilmu itu dalam menjalani jalan Allah. Untuk mendapatkan ilmu seseorang salik itu perlu mempelajarinya kerana ilmu itu diperolehi menerusi proses pembelajaran seperti yang dituntut oleh Islam.

Penglibatan tokoh-tokoh tasawwuf terkenal dalam usaha mencari ilmu sehingga mereka dikenali sebagai “sa`ihun” yang bererti “orang-orang yang mengembara” sudah cukup menjadi bukti yang menunjukkan bahawa menuntut ilmu itu adalah satu perkara yang perlu dilakukan oleh salik dalam perjalanannya menuju kepada Allah. Seseorang salik yang tidak berilmu lebih mudah ditipu dan diperdaya oleh syaitan berbanding salik yang berilmu. Abu Hurayrah ada meriwayatkan satu hadis di mana Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud “Tidak disembah (dilakukan ibadah kepada) Allah dengan sesuatu yang lebih afdal (utama) dari fiqh (memahami) agama dan seorang faqih itu lebih sukar bagi syaitan (untuk menipu dan menyesatkannya) berbanding seribu orang `abid (ahli ibadah).

### **Berlandaskan Akhlak Karimah (Adab)**

Penjagaan dan penerapan akhlak karimah merupakan antara prinsip utama tarekat tasawwuf. Para salik dikehendaki menjaga dan mengambil berat tentang persoalan akhlak. Kejayaan perjalanan kerohanian mereka sangat berkait rapat dengan penjagaan dan pelaksanaan akhlak ini. Mereka menjaga akhlak ini dalam hubungan mereka dengan Allah s.w.t. dan

RasulNya s.a.w. Demikian juga dalam hubungan dengan kaum muslimin, masyarakat seluruhnya dan juga makhluk lain.

Akhlak adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan daripada tarekat tasawwuf dan kehidupan seseorang salik. Beberapa definisi tasawwuf yang dikemukakan oleh para ulama adalah menyentuh sudut akhlak. Mereka mendefinisikan tasawwuf sebagai kemuliaan, ketinggian dan kemurnian akhlak. Abu Bakr al-Kattani contohnya telah memberikan beberapa definisi tasawwuf, antaranya ialah “tasawwuf itu adalah akhlak, sesiapa yang melebihi engkau pada akhlaknya maka dia melebihi engkau dalam kesufian”. Abu Muhammad al-Jariri (w.311 H) pula mendefinisikan tasawwuf sebagai “memasuki setiap akhlak yang mulia dan keluar daripada setiap akhlak yang hina”. (al-Qushayri, 1990:280). Demikian juga Abu al-Husayn al-Nuri telah memberikan beberapa definisi tasawwuf, antaranya ialah “tasawwuf itu bukanlah amalan lahiriah dan tidak juga suatu ilmu pengetahuan, tetapi ia adalah akhlak”. Oleh itu sufi atau ahli tasawwuf itu ialah orang yang memiliki kemuliaan, ketinggian dan kemurnian akhlak.

Dalam perjalanan tarekat, seseorang salik perlu menempuh perjalanan kerohanian yang disebut ahwal dan maqamat bagi memperolehi kesucian hati dan seterusnya menemui hakikat dan mencapai ma`rifat. Ini kerana tarekat merupakan perjalanan khusus bagi para salik yang menuju kepada Allah dengan menempuh dan melalui berbagai peringkat (manzilah) dan meningkat dalam berbagai maqam (al-Jurjani1938:183). Ahwal bermaksud kejernihan zikir yang memasuki atau menempat di dalam hati atau hati berada dalam kejernihan zikir tersebut. (al-Tusi, 1960:66). Ia merupakan suatu pengertian (kefahaman atau ma`rifat) yang masuk ke dalam hati tanpa sengaja dan usaha mendapatkannya. (al-Qushayri, 1990:236) Maqamat pula bermaksud sesuatu yang dicapai hakikatnya oleh seseorang dengan cara menempuh atau mengusahakannya iaitu adab-adab yang diperolehi menerusi suatu bentuk usaha dan dicapai menerusi suatu bentuk tuntutan, menghadapi kepayahan dan menanggung bebanan. (al-Qushayri, 1990:236)

Di antara maqamat itu ialah al-tawbah, al-war`, al-zuhd, al-faqr, al-sabr, al-rida, al-tawakkul dan lain-lain. (al-Tusi, 1960:66). Manakala ahwal itu pula ialah seperti al-muraqabah, al-qurb, al-mahabbah, al-khawf, al-raja`, al-shawq, al-uns, al-tama`ninah, al-mushahadah, al-yaqin dan lain-lain. (al-Tusi, 1960:66). Semuanya merupakan akhlaq Nabi Muhammad s.a.w. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa maqamat dan ahwal itu sebenarnya adalah himpunan akhlaq Nabi s.a.w. yang menjadi tangga seseorang itu untuk mencapai hakikat tasawwuf dan seterusnya menjadi seorang sufi yang benar. Kerana itu, perjalanan kerohanian salik sebenarnya adalah usaha untuk berakhlak dengan akhlak Nabi s.a.w. dan nilai atau tahap kesufian seseorang itu terlihat pada sejauhmana akhlak Nabi s.a.w. diterap dan direalisasikan dalam diri.

Dari satu sudut yang lain, akhlak merupakan buah dari tasawwuf. Pencapaian hakikat tasawwuf akan membuahkan berbagai akhlak mulia. Rasulullah s.a.w. merupakan contoh tauladan bagi para salik dalam persoalan akhlak ini. Mengenai perkara ini Allah s.w.t. telah berfirman dalam surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud “sesungguhnya bagi kamu pada diri rasulullah s.a.w. ada contoh tauladan yang baik untuk orang-orang yang mengharapkan (meyakini) Allah dan hari akhirat dan banyak mengingati Allah”. Rasulullah s.a.w. itu sendiri diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia sebagaimana hadis yang bermaksud “sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”.

## **Bertujuan Qurbah, Mahabbah dan Ma`rifah Terhadap Allah**

Antara prinsip utama tarekat tasawwuf ialah mempunyai matlamat yang betul iaitu mendekatkan diri kepada Allah dan mencari keredaanNya dan seterusnya mencapai mahabbah dan ma`rifah. Inilah yang membezakan di antara kerohanian dengan kebatinan. Tarekat bukanlah bertujuan mendapat kelebihan duniawi, kehebatan atau perkara luar biasa, tetapi ia sebenarnya bertujuan membersihkan diri menerusi mujahadah dan sentiasa ingat kepada Allah, sentiasa sedar kesalahan diri dan bertaubat, beramal dengan ikhlas, meningkat pada maqam-maqam kerohanian dan merasai ahwalnya dan seterusnya mencapai mahabbah dan ma`rifah sehingga tercapai hakikat tawhid.

Tujuan-tujuan tersebut menepati ajaran yang terdapat pada banyak ayat al-Qur'an antaranya ialah firman Allah dalam Surat al-Shams ayat 9-10 yang bermaksud "maka berjayalah orang yang menyucikannya, dan rugilah orang yang mengotorkannya", firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 41 yang bermaksud "wahai orang-orang yang beriman, ingatlah kepada Allah dengan sebanyak-banyaknya", firman Allah dalam surah al-Nur ayat 31 yang bermaksud "dan bertaubatlah kamu semua kepada Allah wahai orang-orang yang beriman mudah-mudahan kamu berjaya", firman Allah dalam Surat al-Bayyinah ayat 5 yang bermaksud "dan mereka itu tidak disuruh kecuali supaya mereka mengabdikan diri kepada Allah dalam keadaan ikhlas beragama untuk-Nya, dan dalam keadaan suci bersih (dari sebarang bentuk syirik)" firman Allah dalam Surat al-Dhariyat, ayat 50 yang bermaksud "maka berlarilah kamu semua menuju kepada (mengenal dan mencapai keredaan) Allah" dan ayat-ayat lain lagi. Tujuan yang lain dari mencapai mahabbah, ma`rifah dan mendapat keredaan Allah adalah dikira menyimpang dari landasan tarekat yang sebenar.

### **Penutup**

Tarekat dengan pengertian yang murni memang wujud dan merupakan sebahagian dari ajaran agama Islam. Ia adalah maqam iman yang menjadi wasilah bagi mencapai maqam ihsan. Tarekat mempunyai persyaratan, keilmuan dan amalan yang tersendiri yang secara keseluruhannya merupakan pelaksanaan terhadap perintah agama secara bersungguh-sungguh dan istiqamah sehingga ia membuahkan hasil kesucian hati dan seterusnya mencapai qurbah dan hidayah.

### **Rujukan**

- Bukhari, Muhammad ibn Isma`il. 1987/1407. Al-Jami` al-Sahih al-Mukhtasar. Bayrut: Dar Ibn Kathir.
- Naysaburi, Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri. 1954 M/ 1374 H. Sahih Muslim. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi.
- Tirmidhi, Muhammad ibn `Isa. t.th. Al-Jami` al-Sahih Sunan al-Tirmidhi. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi.
- Ibn Hanbal, Ahmad al-Shaybani. t.th. Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal. Jil.1,2,3, & 4. Misr: Muassasah Qurtubah.
- Madani, Mustafa. 1316. Al-Nusrah al-Nabawiyah. Misr: al-Matba`ah al-Amiriyah.
- Sulami, Abu `Abd al-Rahman. 1372. Tabaqat al-Sufiyah. Misr: Matba`ah Dar al-Kitab al-`Arabi.
- Ibn `Ajibah, Ahmad. 1331 H. al-Futuh al-Ilahiyyah fi Sharh al-Mabahith al-Asliyyah. t.tp: al-Matba`ah al-Jamaliyyah.

- Ibn `Ajibah, Ahmad. 1983 M/1403 H. Iqaz al-Himam fi Sharh al-Hikam. Jil.1 & 2. Bayrut: Dar al-Kitab al-`Arabi.
- Ibn `Ajibah, Ahmad. 1355 H. Mi`raj al-Tashawwuf ila Haqa'iq al-Tasawwuf. t.tp: Matba`ah al-I`tidal.
- Tusi, Abu Nasr al-Sarraj. 1960. Al-Luma` fi al-Tasawwuf. Qahirah: Dar al-Kutub al-Hadithah, Baghdad: Maktabah al-Mathna.
- Qushayri, `Abd al-Karim ibn Hawazin. 1990. al-Risalah al-Qushayriyyah. Bayrut: Dar al-Jayl.
- Mahmud, `Abd al-Halim. t.th. Qadiyyat al-Tasawwuf: al-Munqidh min al-Dalal. Qahirah: Dar al-Ma`rifah.
- Sha`rani, `Abd al-Wahhab. 1988. al-Anwar al-Qudsiyyah fi Ma`rifat Qawa'id al-Sufiyyah. Jil.1. Bayrut: Maktabah al-Ma`arif.
- Sha`rani, `Abd al-Wahhab. 1321. Lata'if al-Minan wa al-Akhlaq. Misr: al-Matba`ah al-Maimaniyyah.
- Sha`rani, `Abd al-Wahhab. 1311. Lawaqih al-Anwar al-Qudsiyyah fi Bayan al-`Uhud al-Muhammadiyah. Jil.1. Matba`ah al-`Amirah al-`Uthmaniyyah.
- Sha`rani, `Abd al-Wahhab. t.th. al-Tabaqat al-Kubra. Bayrut: al-Maktabah al-Sha`biyyah.
- Badawi, `Abd al-Rahman. 1978. Shathat al-Sufiyyah. Jil.1. Kuwait: Wakalah al-Matbu`ah.
- Qari, Mula `Ali Nur al-Din Muhammad.1352. Sharh `Ayn al-`Ilm wa Zayn al-Hilm. Jil.1. Bayrut: Dar al-Ma`rifah.
- Kumushkhanawi, Ahmad. 1328. Jami` al-Usul fi al-Awliya'. Qahirah: t.pt.
- Mohd. Sulaiman Hj. Yasin. 1989. Mengenal Ilmu Tasawwuf. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Menteri, Jabatan Perdana Menteri.
- Surur, Taha `Abd al-Baqi. 1368. Shakhsiyyat Sufiyyah. Qahirah: Maktabah wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- Zubaydi, Muhammad ibn Muhammad al-Husayni. t.th. Ittihaf al-Sadah al-Muttaqin. Jil.1,4 & 9. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Hujwiri, `Ali ibn `Uthman al-Jallabi. t.th. Kashf al-Mahjub. Qahirah: Matba`ah al-Ahram al-Tijariyyah.
- Jaza'iri, `Abd al-Qadir. 1344. al-Mawaqif. t.tp: Matba`ah al-Shabab.
- Iskandari, Taj al-Din Ahmad ibn Ahmad ibn `Ata' Allah. 1961 M/ 1381 H. Miftah al-Falah wa Misbah al-Arwah. Qahirah: Maktabah wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- Jilani, `Abd al-Qadir. 1968. Al-Fath al-Rabbani wa al-Fayd al-Rahmani. Qahirah: Maktabah wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- Jilani, `Abd al-Qadir. 1330. Futuh al-Ghayb. Misr: Matba`ah Sharikah al-Tamaddun al-Sina`iyyah.
- Jilani, `Abd al-Qadir. 1956. Al-Ghunyah li Talib Tariq al-Haq. Qahirah: Maktabah wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- Ghazali, Muhammad ibn Muhammad. 1986/1406. Khulasat al-Tasanif fi al-Tasawwuf (pnyt.) Muhammad Amin al-Kurdi. Dlm. Majmu`at Rasa'il al-Imam al-Ghazali. Bayrut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Ghazali, Muhammad ibn Muhammad. 1989. Minhaj al-`Abidin. Bayrut: Dar al-Jayl.
- Ghazali, Muhammad ibn Muhammad. 1986 M/ 1406 H. Rawdat al-Talibin wa `Umdat al-Salikin. Dlm. Majmu`at Rasa'il al-Imam al-Ghazali. Bayrut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Kurdi, Muhammad Amin.t.th. Tanwir al-Qulub. Qahirah: Dar al-Fikr.



- Shawkani, Muhammad ibn `Ali ibn Muhammad. 1992 M/ 1312 H. Irshad al-Fuhul. Jil.1. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Sahrawardi, Abu Najib `Abd al-Qahir. 1983. `Awarif al-Ma`arif. Bayrut: Dar al-Kitab al-`Arabi.
- Ibn Khaldun, `Abd al-Rahman ibn Muhammad. t.th. al-Muqaddimah. Misr: Matba`ah al-Bahiyah.
- Ibn Khaldun, `Abd al-Rahman ibn Muhammad. t.th. Shifa' al-Sa'il li Tahdhib al-Masa'il. Bayrut: al-Matba`ah al-Kathulikiyyah.
- Ibn `Abidin, Muhammad Amin. 1386 H/1966 M. Hashiah Radd al-Mukhtar `ala al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar fi Fiqh Madhhab al-Imam Abi Hanifah al-Nu`man. Jil.3. Qahirah: Maktabah wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- Tirmidhi, Muhammad ibn `Ali al-Hakim. t.th. Khatm al-Awliya'. Bayrut: al-Matba`ah al-Khathulikiyyah.
- Jurjani, al-Sayyid `Ali ibn Muhammad. 1938. al-Ta`rifat. Qahirah: Maktabah wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- `Afifi, Abu al-`Ula. 1963. al-Tasawwuf: al-Thawrah al-Ruhiyyah fi al-Islam. Iskandariyyah: Dar al-Fikr.
- Yafi'i, `Abd Allah. 1961 M/ 1381 H. Nashr al-Mahasin al-Ghaliyah fi Fadl al-Mashayikh al-Sufiyyah. Qahirah: Maktabah wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- Ibn `Arabi, Muhy al-Din Muhammad ibn `Ali. t.th. al-Futuh al-Makkiyyah. Jil.2. Bayrut: Dar al-Sadir.
- Saqr, Hamid. 1380. Nur al-Tahqiq. Misr: Matba`ah Dar al-Ta`lif.
- Haji Khalifah, Mustafa ibn `Abd Allah. 1360. Kashf al-Zunun `an Asami al-Kutub wa al-Funun. Jil.1. t.tp: Matba`ah al-Ma`arif al-Turkiyyah.
- Zaruq, Ahmad. 1318. Qawa'id al-Tasawwuf. Qahirah: Matba`ah Misr.